Jul 14, 2017

Tina

Penulis **Ayu**



Assalamualaikum. Nama aku Ayu — tinggal di Negeri Pantai Timur. Kisah yang aku nak ceritakan ini berkait rapat dengan diri aku meskipun bukan aku yang kena hadap secara keseluruhannya.

Sebelum aku mula bercerita, aku nak kenalkan watak utama yang menjadi penyumbang kepada kisah ini.

- Kakak (Tina).
- Adik (Jiha).
- Sepupu (Laila).
- Sepupu (Syima) — kakak kepada Laila.

Aku mohon ampun awal-awal larr kalau cerita ini sendu dan hambar. Aku cuba sedaya upaya untuk menulis kisah seram ini sebaik mungkin keseramannya untuk pembaca.



Kisahnya bermula

Cerita ini terjadi pada tahun 2005. Masa ni aku bersekolah di asrama penuh "Almari" di Selangor — disebabkan terlampau banyak almari

di sekolah asrama penuh ini, aku gelarkan sekolah asrama penuh ini sebagai “Almari” untuk memudahkan penceritaan kisah seram ini.

Kakak Tina pula mahasiswi di Universiti “Laci” yang dekat-dekat dengan “Almari”. Jadi senanglah aku nak mengadu domba kepada kakak jika aku ada masalah kerana “Almari” dekat dengan “Laci”. Aku dan kakak memang rapat, memang sekepala, walaupun jarak umur sekadar 6 tahun sahaja. Selain kakak, aku ada sorang lagi adik perempuan bernama Jiha.

Kisah seram bermula semasa kakak cuti sem di kampung. Ketika ini aku tak balik ke kampung disebabkan cuti sekolah untuk para pelajar “Almari” tidak membuntuti cuti sem mahasiswa Universiti “Laci”.

Meskipun aku tidak balik ke kampung — aku tahu sangat fiil pupu-poyang setelah mereka berada di kampung — mereka memang suka lepak malam-malam di depan rumah Laila.

Kawasan rumah Laila ini adalah taman perumahan. Untuk memudahkan penceritaan, taman perumahan ini digelarkan sebagai “Mentol” kerana banyak sangat mentol menyala di kala malam menjelma di kawasan perumahan ini.

Disebabkan keseronokan mereka melepak malam-malam di depan rumah berbanding melepak di restoran roti canai kari kepala ikan — sambil mereka melepak ada larr hidangan air, ada juga sedikit makan-makan, dan tentunya perkara paling utama melepak di depan rumah adalah mengabadikan wajah keperempuanan mereka untuk menjadi tontonan jejaka tampan yang bermastautin di Taman Mentol ini — gelenyar betul bunyinya.😓

Kedudukan rumah Tina dan Laila berhadapan — tak sampai sepelaung pun — jikalau Si Laila ini berdengkur — Si Tina boleh dengar tau.😜

Dekat simpang masuk Taman Mentol ini ada kedai jual ikan dan sayur. Di hadapan kedai ini ada pangkin dibina oleh tauke pemiliki kedai untuk letak barang-barang perniagaannya. Dari tempat melepak di hadapan rumah Laila — memang boleh nampak pangkin kedai ini.


Pangkin cacamerba

Malam tu mereka melepak macam biasa Tina, Jiha, Laila, dan Syima, — malam itu semua anak dara tergelenyar hadir kecuali aku (Ayu).

Sedang mereka berhuha-huha melepak, tiba-tiba Si Laila ini kata...

Laila : Ehh... tengok tu kat sana! Nampak tak ada perempuan duduk kat pangkin kedai sayur tu? Kaki perempuan tu terjuntai ke bawah larr.

Bukan sahaja Si Laila ini nampak ada perempuan duduk di pangkin — dia juga mengatakan perempuan itu berkebaya dan berselendang di bahu. Perincian dari Laila ini terhadap perempuan berkebaya yang duduk di pangkin itu sama seperti perempuan yang baru saja meninggal dunia di kampung ini — seminggu yang lepas. 3 anak dara yang duk melepak berhuha-huha ini buat tak tahu saja dan anggap Si Laila ini merepek.

Tidak berapa lama kemudian Si Laila ini ingin mengundur diri dengan alasan...

Laila : Aku rasa mengantuk larr — letih nak masuk tidurlah.

Tak sampai 5 minit Si Laila ini masuk ke dalam rumah — terdengar kuat suara jeritan nyaringnya. Terperanjat 3 anak dara yang sedang duk melepak di luar serta-merta berdesup masuk ke dalam rumah — Laila dah menggelupur teruk ketika ini. Mata Laila yang semula jadi besar

makin membesar apabila terjegil matanya — terasa seram Jiha melihat keadaan Laila.

Tak lama lepas tu ayah dan beberapa orang jiran lagi tergesa-gesa datang ke rumah Laila. Badan Laila ini semula jadi memang kecil sahaja, tapi dia punya tenaga ketika kena sampuk macam gorila — kuat semacam.

Melihat keadaan ini ayah suruh Si Jiha heret kakak Tina balik ke rumah — kakak memang serba-serbi lemah — nampak katak pun Tina boleh separa histeria — apatah lagi nampak momok. Tapi kalau dah jenis degil semedang — tetaplah dia nak menyibuk kat situ melihat Laila terkena sampuk dek momok — konon nak tolong baca-baca apa yang patut.

Seketika kemudian Laila dah reda sedikit tidak seperti mula-mula tadi macam gorila mengamuk, tetapi momok yang menyampuk Laila belum keluar daripada badannya. Masa Tina terkumat-kamit membaca surah-surah suci — Si Laila mengetawakan dia secara sinis — terus Tina menangis — bukan menangis yang biasa-biasa tau ini menangis menggogoi macam orang mati laki tup tup tup Tina mula meracau-racau, meraung-raung.



Bapa Laila buat keputusan nak panggil moyang datang untuk pulihkan sampukan momok ini. Tanpa berlengah abang along Laila bertemankan Si Jiha pergi ke rumah moyang naik motor. Masa nak pergi ke rumah moyang pun banyak hal terjadi.

Cerita Jiha

👀 Masa Jiha membonceng motor yang dipandu oleh abang along Laila nak keluar simpang — ada makhluk hitam besar sedang tercongok di simpang — along buat-buat tak nampak, Jiha pula pejam mata. Takut punya pasal — Jiha duk pejamkan mata tup tup tup along berhentikan motor — Jiha ingat dah sampai — rupanya tak sampai lagi. Di tengah jalan tu ada pokok tumbang, tapi sebenarnya tak ada pun pokok tumbang kerana kereta yang bergerak di jalan elok sahaja lalu menembusi pokok tumbang itu — terus along azan. Sesudah azan barulah along dan Jiha nampak jalan.

Sampai di jalan menuju ke rumah Nyang, along tak jumpa kedudukan rumahnya — macam rumah Nyang ghaib di atas permukaan bumi ini. Along azan sekali lagi — habis saja azan — elok sahaja along nampak rumah orang tua tu disertai sekali dengan pakej Nyang sedang duduk bertinggung di tangga seperti menunggu kedatangan dua orang cucunya. Belum sempat

along menyatakan keadaan Laila dan Tina kena sampuk dek momok...

Nyang : Nyang dah tahu. Nyang dah tahu. Kamu berdua baliklah dulu. Sekejap lagi Nyang datang ke sana.

Nyang suruh along dan Jiha jalan dulu, nanti dia menyusul dengan anaknya. Memang tak larr nak jalan dulu setelah terserempak dengan makhluk hitam besar di simpang serta dugaan pokok tumbang di jalan hinggalah kebingungan tak nampak rumah Nyang — along dan Jiha memang takut nak jalan dulu — tunggu Nyang bersiap barulah sama-sama jalan.

Hantu datang kembali


Setelah Nyang sampai di rumah Laila — Nyang ubatkan Laila dan Tina. Si Laila dah *okay,* dah pulih — Si Tina saja yang bermasalah sikit. Sesudah Nyang siap mengubatkan Tina — keadaan dia pun dah *okay* tak meracau-racau lagi.



Nyang balik jer — Tina buat hal — dia meracau-racau semula. Ayah terus panggil abang sedaranya yang dipanggil Pok Ulong — dia ni kuat agama.

Maaf cakap, Pok Ulong mengubat tak macam Nyang — Nyang ni ada membela. Ayah mula-mula tak setuju apabila bapa Laila merangkap adik iparnya ini minta panggilkan Nyang — sebab ayah tahu — belaan Nyang bukan sikit, banyak sangat — tapi dah bapa Laila ni degil nak juga — ayah ikutkan ajer.

Kisah Nyang

 Nyang pernah cakap kepada ayah dan mak, kalau nampak dia di mana-mana tup tup tup ayah dan mak tegur Nyang, tapi dia tak memberi respons — itu sebenarnya bukan Nyang — maknanya itu belaannya yang menyerupai dirinya. Justeru ayah dan mak buat biasa-biasa sajalah — sesudah mengetahui perkara ini.

Lebih dramatik, orang kampung pernah nampak Nyang bertenggek di kabel elektrik TNB — bukan bergayut tau — bertenggek! Kecoh seluruh kampung.

Pada hemat aku, Nyang ni ada sedikit keajaiban — dia boleh tahu kalau orang duk mengupat pasal dirinya. Kita orang adik-beradik pernah cubalah nak tengok sejauh mana kebenaran sedikit keajaiban yang ada pada Nyang ini.

Kebetulan satu hari tu kita orang nampak Nyang sedang mengayuh basikal tua

kepunyaannya. Kita orang dalam kereta — pergerakan kereta memang dah sehabis perlahan di belakang dia — jarak di antara kita orang dengan Nyang dalam 3 minit berjalan kaki — maaflah aku tak reti km/m ni.



Ikutkan secara logik dengan bunyi enjin kereta ditambah lagi dengan jarak yang jauh, Nyang memang takkan dengar kita orang tengah mengupat pasal dirinya.

Tiba-tiba "Papp!" Nyang berhenti kayuh basikal menunggu kita orang lalu di tepinya. Sampai sahaja di sebelah Nyang — kita orang buatlah muka selamba — berhentilah konon nak beramah mesra sedara-mara — Nyang senyum jer sambil cakap...

Nyang : Nyang tahu... takpa... anak cucu Nyang baik-baik.

Pucat lesi muka kita orang masa tu — terus taubat tak nak mengupat lagi pasal Nyang.

Sambung cerita pasal Tina

👀 Pok Ulong kata yang ganggu Tina ni merupakan hantu budak kecil — dia suka kepada Si Tina ini sebab — Tina lawa. Entah tang mana lawa aku pun tak fahamlah — hantu budak kecil ini mungkin rabun kot — 😆Hahahahahaha!! Ampun Tina.

Sejak hari tu, Tina ni jadi lain — asyik menangis — ketawa tak tentu pasal — sama seperti perangai budak-budak kecil.

Kebetulan aku cuti sekolah, tentulah di waktu cuti sekolah aku balik ke kampung — takkanlah pergi melancong ke Disneyland pula.

Di kampung, aku habiskan banyak masa dengan Tina. Perangai aku ni memang ada sedikit baran. Mula-mula macam takut melihat keadaan Tina — lama-kelamaan geram pula.

Bayangkan — aku temankan Tina solat — tengah solat — dia boleh meratap sedih cakap takut, takut, takut, takut, takut banyak kali. Aku suruh kakak aku ni buat tak tahu — jangan layan ketakutan yang membelenggu perasaan, cekalkan semangat, gagahkan keberanian, positifkan pemikiran, bertekad untuk menggapai kecemerlangan, — jangan takut kepada hantu budak kecil itu — terus sahaja tunaikan solat.

Tina : Takut, takut, takut, takut... takut...

Ayu : Eh... degil betul dia ni — tak nak — Panggg!

Makan penampar sudahnya — kesian pula melihat keadaan kakak aku ini. Momok/hantu ni lagi seronok melihat kita takut kepada aura keseraman *supernatural*nya.

Pernah satu hari, masa keluarga aku tengah tengok TV tup tup tup Tina menjerit sakan — siang masa ni.

Tina : Arghhhhhhhhhhhh!! Ada budak!! Ada budak!! Kat tepi tong gas dapur tu!



Berkejarlah aku dengan abang aku pakai penyapu nak hambat budak tu. Dramatik sangat pakai penyapu — kan?

Keluarga aku pun dah jarang tidur dalam bilik masing-masing. Semua tidur lambak di ruang tamu kerana kerap sangat dengar suara budak-budak main di belakang rumah dan main tangga rumah pukul 3 4 pagi. Ayah punya kaki

selalu dijadikan alat mainan — budak-budak tu main kira-kira pakai jari di kaki ayah.

Masuk bulan puasa — Tina *okay.* Oh ya Tina tertangguh satu sem sebab kehadiran *supernatural* ini. Ingatkan dia memang betul-betul dah *okay*lah — sampailah malam raya — datang sengal Si Tina ni, dia ajak beraya rumah kawan dia di malam raya — rumah kawan dia ni, kena lalu paya baru sampai rumah. Masa pergi tu tak ada apa-apa yang berlaku — ketika balik Tina buat perangai — mata terjegil — mulut menggumam — sekejap-sekejap ketawa — sekejap kang menangis — macam budak kecil. Aku terus bacakan ayat Qursi dan selawat Syifa' — boleh pula dia menyeringai sinis ketawakan aku apabila bacaan aku macam tergagap sikit. Mujur kawan sekolah aku datang beraya malam tu — dia ni berilmu juga larr — dia yang tolong ubatkan Tina.

Sesudah cuti dia habis — Tina sambung kesarjanaannya yang tertangguh di Universiti "Laci" — masa ni aku dah balik sekolah "Almari". Tak sampai sebulan — Tina buat hal lagi yang ni *roommate* dia cerita kepada aku.

Cerita Kak Alin

 Masa ni akak dan Tina tengah *study* dalam bilik. Tina baring atas katil — akak duduk menghadap meja. Tiba-tiba Tina meluru keluar

dan berlari ke tingkat 4 — di tingkat ini gigih dia ketuk pintu bilik siswi sambil menjerit...

Tina : Kenapa korang mengumpat aku?! Aku tak kacau korang pun!

Akak memang panik melihat keadaan Tina yang tak *okay*, cepat-cepat akak tarik dia masuk bilik semula. Di dalam bilik, Tina mula menjerit serta menangis...

Alin : Tu yang akak telefon abang awak — datang untuk ambil dia.

Juihkan bibir mengejek

👀 Disebabkan penyakit *supernatural* Tina meradang kembali dengan aku sekali terjebak balik kampung malam-malam buta tu. Macam mana Tina tahu siswi di tingkat 4 mengumpat dirinya? 😒Entah! Malas aku nak ambil tahu.



Sekarang ni Tina dah sepenuhnya *okay*. Lama juga ambil masa nak mengubat dia — degil betul hantu rabun Si Budak Kecil yang suka kepada kejelitaan Tina. 😳Jelita! 😝Hahahahaha!!

Sekarang yang membuatkan aku serta adik-beradik lain geram — setelah Si Tina ini pulih sepenuhnya — dia pula yang tak percaya kepada kewujudan hantu. Kalau dalam keluarga aku ada yang kena kacau ker apa? Dia akan juihkan bibir — mengejek — sambil selamba bercakap...

Tina : Perasaan korang jer tu — hantu mana ada?!

Ayu : 😒*Fine!*

*Okay*lah, terima kasih kerana sudi luangkan masa membaca kisah seram aku ini. Nak hentam ker — nak kecam ker — aku redha. *Bye!*